

MAHATHIR - PERSYARIKATAN

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 10 OKT (BERNAMA)--KEJAYAAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN AKAN MEMBERI MANFAAT KEPADA SEMUA RAKYAT TERMASUK PARA PEKERJA TIDAK MAHIR DAN PENJAJA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA SETIAP ORANG TERGOLONG SAMA ADA DALAM SEKTOR AWAM ATAU SWASTA, KEJAYAAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA SEMUA RAKYAT NEGARA INI.

+MALAH PEKERJA TIDAK MAHIR ATAU PENJAJA MEMAINKAN PERANAN DALAM SEKTOR EKONOMI DAN DENGAN ITU TERLIBAT DALAM KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA,+ KATANYA KEPADA 650 ORANG PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEMINAR PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN DI AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA DI SINI.

DALAM SEMINAR YANG BERTEMAKAN +RANGKA UNTUK KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN KE ARAH DAYA PENGELUARAN NEGARA+ ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA PENGSWASTAAN DISYORKAN KERANA SYOR ITU BAIK UNTUK NEGARA DAN SETIAP RAKYAT.

+WALAU PUN KEKUATIRAN BERMUSUNG DENGAN KESANNYA TERHADAP GOLONGAN TERTENTU MASYARAKAT TIDAK DAPAT DIKETEPIKAN BEGITU SAHAJA ATAU PUN DIKURANGKAN, AGAK PENTING JUGA TENTANGAN TERHADAPNYA TIDAKLAH TERLALU UMUM ATAU DITUJUKAN KEPADA IDEOLOGI KONSEP ITU.+

--LAGI 1232/MD

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENAMBAH BAHAWA APA YANG DIPERLUKAN ILAH SATU PENDEKATAN PRAGMATIK YANG MENIMBANGKAN KEPENTINGAN SEMUA SEKTOR DAN NEGARA KESELURUHANNYA.

PENGSWASTAAN TIDAK DIRUMUS BAGI FAEDAH SEKUMPULAN ATAU SEBARANG PARTI POLITIK TERTENTU. SETIAP ORANG MESTILAH MERAIH MANFAAT DARIPADANYA, ATAU SEKURANG-KURANGNYA TIDAK MENGALAMI KERUGIAN OLEHNYA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERSYARIKATAN MELAYSIA DAN PENGSWASTAAN MAHUKAN SETIAP ORANG MULA MERUMUS DAN MENGADAKAN SATU FALSAFAH KORPORAT NASIONAL DAN STRATEGI BERSAMA UNTUK TINDAKAN.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA MASANYA TELAH TIBA BAGI SEMUA PENGURUS DALAM SEKTOR SWASTA BERHENTI MEMIKIRKAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN HANYA DARI SEGI APA YANG HENDAK DILAKUKAN OLEH SYARIKAT DAN FIRMA MASING-MASING.

+SEMUA ORANG DARI SEKARANG MESTILAH MEMIKIRKAN DARI SEGI MENYUMBANGKAN KEPADA KESEJAHTERAAN BANGSA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN SEBAB-SEBAB MEREKA WUJUD.+

KATANYA KERAJAAN SENTIASA BERSEDIA TETAPI SEKTOR AWAM DAN SWASTA DAN RAKYAT KESELURUHANNYA MESTILAH MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING. --BERNAMA 1237/MD

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA DALAM KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN, NEGARA KINI MEMPUNYAI KOMBINASI YANG BETUL UNTUK MENGGERAKKAN MALAYSIA KE ARAH PENCAPAIAN YANG LEBIH TINGGI, BAGI KESEMPURNAAN KEROHANIAN DAN KESEJAHTERAAN KEBENDAAN RAKYAT-NYA.

+TERPULANGLAH KEPADA KITA SEKARANG. MARILAH KITA BERGANDING BAHU DAN BEKERJA BERSAMA-SAMA AGAR KITA TIDAK AKAN MALU KEMUDINNYA UNTUK MENINGGALKAN SATU WARISAN KEPADA PEWARIS-PEWARIS KITA, RAKYAT MALAYSIA AKAN DATANG,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA UNTUK BERJAYA RAKYAT MESTILAH MEMPUNYAI SIKAP YANG BETUL, HENDAKLAH MENANAMKAN NILAI-NILAI DAN ETIK YANG BETUL DI SAMPING PRINSIP DAN PENDEKATAN YANG BETUL PULA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN PERCAYA NEGARA MEMPUNYAI FORMULA YANG BETUL SEKARANG INI DENGAN SUMBER-SUMBER, TENAGA MANUSIA, KEMAHIRAN ASAS DAN CUKUP KAYA UNTUK MEMBELI TEKNOLOGI JIKA TEKNOLOGI DALAM NEGARA TIDAK DIPEROLEHI.

BELIAU JUGA MENERANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR BERBAGAI ASPEK KEPERLUAN BAGI KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN, TANGGUNGJAWAB DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PARA PENGURUS SEKTOR AWAM DAN SWASTA DAN KSESEDARAN BERSAMA YANG MESTI DIPUPUK UNTUK MENJAYAKANKANNYA. --LAGI 1320/MD

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA KEDUA-DUA KONSEP ITU TELAH MENIMBULKAN MINAT DAN SEMANGAT DI NEGARA INI DAN MENSIFATKAN PERKARA ITU SEBAGAI SATU PERTANDA BAIK.

+BAGI SAYA IA MEMBAYANGKAN BAHAWA NEGARA INI SUDAH BERSEDIA UNTUK IDEA-IDEA DAN PENDEKATAN BARU DALAM TUGAS MEMBINA NEGARA, TETAPI SAMA SEPerti IDEA-IDEA BARU YANG LAIN TELAH TIMBUL SEDIKIT SEBANYAK KEKUATIRAN.+

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA TIDAK SEHARUSNYA DISALAH ANGGAP SEBAGAI SATU LANGKAH MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH PERBADANAN ATAU SEBUAH SYARIKAT DENGAN BELIAU SEBAGAI PENERUSI ATAU PENGARAH URUSANNYA.

+SEBUAH NEGARA YANG BERDAULT TIDAK BOLEH MENJADI SEBUAH SYARIKAT PERNIAGAAN. IA HANYA BOLEH DIURUS SEBAGAI SEBUAH PERBADANAN DENGAN BEBERAPA BUAH BAHAGIAN TERTENTU BERTANGGUNGJAWAB BAGI PENGELUARAN, JUALAN DAN PASARAN, SEMENTARA YANG LAINNYA BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENYELIDIKAN DAN PENGGALAKKAN DAN LAIN-LAIN PULA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SOKONGAN DAN TAMBAHAN.

DALAM SESEBUAH NEGARA ITU, SEKTOR SWASTA MERUPAKAN CABANG PERNIAGAAN DAN EKONOMI PERUSAHAAN NEGARA, SEMENTARA KERAJAAN MENGGARISKAN RANGKA DASAR UTAMA DAN ARAHAN DI SAMPING MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN. --LAGI

1325/MD  
ZCZC 8526

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 5 KUALA LUMPUR

DENGAN ITU, KATANYA, KERAJAAN MENJADI CABANG PERKHIDMATAN PERUSAHAAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA MEMERLUKAN CABANG EKONOMI DAN PERKHIDMATAN NEGARA UNTUK BEKERJASAMA SEPENUHNYA AGAR NEGARA SECARA KESELURUHAN MENIKMATI KEUNTUNGAN SAMA SEPerti KEMAKMURAN SEBUAH PERBADANAN YANG RAPI TERURUS.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN BAHAWA PENYERTAAN EKUITI KERAJAAN, BAGAIMANAPUN, TIDAK MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN TIDAK SEHARUSNYA TIMBUL KEKELIRUAN ANTARA PENGLIBATAN KERAJAAN DALAM PERNIAGAAN DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA ITU.

"KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA, DENGAN ITU, MEMERLUKAN SEKTOR-SEKTOR AWAM DAN SWASTA MENGANGGAP DIRI SEBAGAI RAKAN PEKONGSI, PEMEGANG SAHAM DAN PEKERJA DALAM SEBUAH PERBADANAN, DAN DALAM HAL INI NEGARA."

KATANYA "PERBADANAN" ITU AKAN HANYA MAKMUR JIKA CABANG PERNIAGAAN DAN EKONOMINYA, IAITU SEKTOR SWASTA, BERUSAHA BERSUNGSIH-SUNGGUH MENINGKATKAN PENGELUARAN, PEMASARAN DAN PENJUALAN DAN MENAMBAH PULANGAN PELABURAN.

-- LAGI 1342/RS

ZCZC 8527

MAHATHIR - PERSYARIKATAN 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA CASANG PERKHIDMATAN +PERBADANAN+ ITU, KERAJAAN, AKAN MENYEDIAKAN SEMUA SOKONGAN YANG DIPERLUKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA DI BAWAH KONSEP ITU, TIDAK TINDUL SOAL SATU SEKTOR TERPAKSA BEKERJA LEBIH BANYAK DARIPADA SATU SEKTOR LAIN UNTUK NEGARA, SEMENTARA SATU SEKTOR LAGI HANYA DUDUK BERSANDAR DAN BEREHAT.

KATANYA KEDUA-DUA SEKTOR AWAM DAN SWASTA AKAN MENGHADAPI TANGGUNGJAWAB DAN CABARAN YANG BERTAMBAH DAN KERJASAMA, KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN ANTARA SATU SAMA LAIN AKAN MENJADI RENCAH ASAS BAGI KEJAYAAN.

+TANPA MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN INI, MENERUSI PERUBAHAN SIKAP PENGURUSAN DAN FALSAFAH KITA, KITA TIDAK AKAN BERJAYA MENJADIKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA SATU KENYATAAN YANG BERMAKNA DAN MENGUNTUNGAN,+ TANDAHNYA.

PENDEKNYA, KATANYA, KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA BEERTI KERJASAMA YANG LEBIH DIPERTINGKATKAN ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA.  
--BERNAMA 1350/MD